

BAB EMPAT

ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan sambungan analisis dari bab tiga yang memberikan penumpuan kepada penyiaran pemprograman yang bercorak sektor-sektor pembangunan negara. RTM memberikan penekanan dalam menyiaran rancangan-rancangan ini menerusi TV1 dan TV2 supaya rakyat tidak ketinggalan dalam mendapatkan maklumat terkini berhubung dasar kerajaan dalam sektor politik, ekonomi dan sosial. Analisis secara terperinci ini akan membuktikan sejauh manakah RTM mengatur program-programnya untuk diterapkan dalam pelbagai sektor pembangunan negara.

4.2 Pemprograman RTM Ke Arah Pembangunan Rakyat dan Negara

Radio Televisyen Malaysia (RTM) adalah agensi utama kerajaan Malaysia bagi menyebar dan menerangkan dasar negara serta projek yang dilaksanakan untuk rakyat. Siaran TV RTM telah dipertanggungjawab untuk memastikan setiap rakyat memahami dasar tersebut terutamanya khalayak yang menjadi sasaran khususnya dasar-dasar kerajaan dan projek-projek pembangunan yang ditujukan kepada rakyat dan negara.

Penekanan utama Jabatan Penyiaran RTM ialah melalui komunikasi bersemuka. Jabatan ini diberikan tanggungjawab dalam menyedarkan rakyat tentang dasar atau projek-projek kerajaan melalui pemprograman rancangan menerusi Saluran TV1 dan Saluran TV2.

Apa yang jelas dalam pendekatan komunikasi pembangunan kerajaan Malaysia adalah bersifat pelbagai iaitu ia menggunakan RTM untuk memupuk kesedaran di kalangan rakyat. Melalui pendekatan komunikasi pembangunan, kerajaan lebih kemungkinan berjaya dalam usahanya. Komunikasi pembangunan menerusi corak pemprograman RTM kini kian diakui memainkan peranan yang penting dalam mempercepat proses perubahan dan dasar pembangunan yang menjadi asas penyebaran idea baru yang membawa perubahan itu kepada pengetahuan ahli masyarakat. Ia sering kali memainkan peranan yang penting dalam proses penukaran nilai, sikap, norma dan sebagainya dalam masyarakat. Tanpa perubahan dan penukaran ini, sukarlah bagi mana-mana pihak untuk memulakan dan melicinkan proses pembangunan dan perpaduan negara.

Badan kerajaan ini mempunyai "*dasar serampang dua mata*" iaitu mewujudkan saluran televisyen yang berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan dan kehendak seluruh rakyat negara dari segi siaran yang dapat memenuhi tuntutan sosial selaku media pembangunan negara selaras dengan matlamat kerajaan. Kuasa media ini dikawal sepenuhnya oleh kerajaan yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap RTM dalam

merangka dan melaksanakan dasar penyiarannya. Kerajaan di sini bertindak sebagai pihak yang berwibawa dalam menentukan pemprograman yang sesuai bagi memenuhi keperluan dan kehendak rakyat dan menjadikannya sebagai badan pembangunan negara dalam mencapai aspirasi negara. RTM lebih mengekalkannya sebagai saluran kerajaan tetapi beroperasi secara komersial dengan mendukung wawasan negara dan pemprogramannya lebih ke arah pemprograman yang dapat memenuhi citarasa khalayaknya.

Berikutnya dasar kerajaan sentiasa berubah dari semasa ke semasa mengikut keperluan keadaan, penekanan RTM telah berubah. Bagi mengisi keperluan ini, RTM menyematkan strategi menerapkan usaha pembangunan dalam setiap pemprograman rancangan untuk mencapai kedua-dua matlamatnya. Dalam konteks ini, keselamatan jentera rancangan RTM digembung ke arah memahami psikologi penonton serta memujuk mereka supaya dapat memahami dan menghayati dasar kerajaan. (Jaafar Kamin, 1985).

Dasar telah ditakrifkan oleh pakar-pakar pengurusan dan komunikasi menurut beberapa sudut pandangan. Kalau dipandang dari konsep, dasar adalah satu set prinsip atau kebiasaan yang mengatur tingkah laku sesebuah organisasi. Jikalau dilihat dari segi fungsi, dasar adalah pernyataan maksud mengenai cara sesebuah organisasi menggunakan sumber dan teknologi untuk mencapai matlamat organisasi. Dari segi bentuk pula, dasar adalah prinsip, peraturan dan panduan yang menjadi asas sesebuah

Penyiaran pemprograman bermaklumat seumpama ini membuktikan RTM sedar akan peranannya dalam menjayakan tangungjawabnya sebagai daya penggerak pemikiran dan membantu rakyat serta agensi-agensi luar dalam pembangunan rohani dan jasmani. Berdasarkan Laporan Kajian Peranan RTM sebagai Media Saluran Maklumat 2000 yang dibincangkan di bab tiga tadi didapati 64 % daripada penontonan TV RTM menonton rancangan yang berbentuk maklumat dan mesej kerajaan. Kadar penontonan rancangan bermaklumat oleh perempuan adalah lebih tinggi berbanding lelaki sebanyak 65%. Kebanyakan rancangan-rancangan yang berbentuk maklumat seperti laporan ekonomi dan mesej kerajaan lebih ramai ditonton oleh kaum Melayu berbanding kaum – kaum yang lain iaitu Melayu 80%, Cina 30% dan India 53%. Daripada perangkaan yang dikeluarkan oleh Cawangan Penyelidikan Kementerian Penerangan didapati golongan yang berumur 40 tahun ke atas merupakan kumpulan umur yang terbanyak menonton rancangan berbentuk maklumat dan mesej kerajaan. Misalnya, daripada 1606 responden hampir separuh 894 orang yang berusia 40 ke atas yang menonton rancangan bermaklumat di saluran RTM.

Untuk membangunkan sektor pertanian negara, RTM telah mengambil inisiatif bergabung dengan agensi-agensi kerajaan lain dalam menubuhkan satu unit Pembangunan dan Pertanian RTM di Jabatan Penyiaran. Unit ini memainkan peranan yang penting dalam usaha menyebarkan, menggalak serta menggerakkan segala dasar kerajaan termasuk Dasar Ekonomi Baru dan yang terkini Rancangan Malaysia ke Lapan serta pelbagai projek pembangunan kerajaan.

Peranan unit ini turut berubah mengikut perkembangan dasar kerajaan dalam usaha meninggikan taraf hidup dan ekonomi rakyat. Misalnya, dalam tahun 70-an dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru, peranan RTM dipesatkan bagi meningkatkan penerangan dan menggerakkan pemikiran rakyat dalam membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Pada amnya rancangan yang diterbitkan oleh bahagian ini meliputi semua aspek pembangunan secara menyeluruh sama ada dalam bidang sosial, ekonomi dan politik. Rancangan yang disiarkan turut mendapat kerjasama daripada agensi kerajaan yang terlibat. Mereka memberikan bahan dan menentukan format rancangan untuk memastikan keberkesanannya serta menjamin masyarakat sasaran mendapat manfaat daripada pemprograman tersebut. Pengkhususan dan kandungan rancangan-rancangan juga diatur supaya memenuhi segenap keperluan bagi menjamin peninggian taraf hidup rakyat. RTM menerusi Saluran TV1 menyiaran pemprograman berbentuk rencana, temuramah, dokumentari dan lain-lain yang dapat memperbaiki taraf hidup rakyat Malaysia.

Sasaran utama unit Pembangunan dan Pertanian RTM ialah penduduk-penduduk luar bandar terutamanya yang mengusahakan pertanian atau tangkapan ikan. Di antara rancangan-rancangan pertanian terbitan bahagian ini ialah *Halaman Pertanian, Pembangunan Desa, Pembaharuan kampung dan Pembangunan Masyarakat*. Rancangan yang berbentuk majalah yang lain disiarkan ialah *Usaha Tani, Agro Pelancongan dan Era bina*. RTM juga mengadakan rakaman luar yang menyelaraskan semua liputan rakaman mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekitar untuk dimuatkan ke dalam rancangan-rancangan tertentu.

Pemprograman RTM di bahagian ini juga turut meninjau pembangunan pertanian dan pembangunan sosio-ekonomi di kawasan perkampungan. Ini termasuk perniagaan dan perusahaan yang diusahakan oleh masyarakat kampung. Menerusi rancangan-rancangan seumpama *Cermin desa* membolehkan rakyat di kawasan luar bandar boleh mengemukakan sebarang masalah dalam pembangunan perniagaan dan pertanian secara kecil-kecilan dan kemajuan pembangunan tempatan. Menerusi rancangan ini, mereka juga boleh mendapatkan bantuan dan sokongan kerajaan dalam mengusahakan sebarang penternakan, perladangan, pembuatan kraf tangan dan sebagainya.

Ia jelas dalam Laporan Kajian Peranan RTM sebagai Media Saluran Maklumat 2000 kerana dapat membuktikan rancangan terbitan Unit Pembangunan dan Pertanian RTM *Malaysia Permai* telah diterima oleh responden sebagai satu rancangan yang bermaklumat. Seramai 260 responden yang menonton rancangan ini dan kebanyakannya terdiri daripada golongan pertengahan umur yang merupakan kakitangan kerajaan dan swasta. Rancangan ini tidak menetapkan sasaran kumpulannya sebaliknya berbentuk program umum yang ingin ditujukan kepada khalayak tentang projek-projek dan bantuan yang sedang dijalankan oleh pihak kerajaan dalam membantu rakyat di kawasan luar bandar dan pembangunan projek Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Sehubungan dengan itu, RTM juga turut berhubung rapat dan mendapat kerjasama yang erat dari kementerian-kementerian, jabatan-jabatan serta agensi-agensi yang ada kaitan dengan tugas pembangunan negara. Antaranya Kementerian

Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan bagi mendapat bahan-bahan untuk penerbitan rancangan .

RTM juga tidak ketinggalan dalam memajukan golongan orang asli dengan mendedahkan maklumat-maklumat kerajaan atau Jabatan Kebajikan Orang Asli yang berkait rapat dengan pembangunan mereka. Pada tahun 1980-an Unit Siaran Orang Asli telah ditubuhkan dan dikelolakan oleh Bahagian Pembangunan dan Pertanian. Tujuan penubuhan Unit Siaran Orang Asli ialah bagi mengubah sikap serta corak kehidupan masyarakat orang asli dari segi kemajuan ekonomi, sosial dan juga memberi penerangan dalam usaha gerak saraf terutma bagi mereka yang mendiami kawasan pedalaman. Rancangan-rancangan yang disiarkan ialah yang bercorak pembangunan dari segi pertanian, pelajaran, kesihatan dan keselamatan serta tidak ketinggalan rancangan hiburan.

Menerusi kajian penyelidikan yang dijalankan oleh Cawangan Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia didapati bahawa dokumentari yang berkait rapat dengan ekonomi dan pembangunan menduduki tempat keenam dalam jenis rancangan yang biasa ditonton dan yang paling diminati di RTM iaitu sebanyak 32%. Kajian juga dapat membuktikan majalah ekonomi merupakan satu lagi rancangan biasa yang mendapat penonton ramai di Saluran TV1.

diberikan oleh RTM untuk mempengaruhi kecenderungan penerbit-penerbit luar untuk mengambil kira isu-isu tuntutan sosial dan komersial pada penerbitan mereka. Maka isu tuntutan sosial dan komersial pada pemprograman rancangan televisyen RTM adalah bermula dari kehendak stesen. Dari satu sudut untuk melihat penentuan yang diberi pada tuntutan sosial dan komersial di dalam pemprograman rancangan televisyen, kita harus melihat rancangan apa yang tidak pernah disiarkan dan tidak pula meneliti apa yang disiarkan. Ini adalah berikutan sekiranya kita tidak mempunyai rancangan berbentuk ekonomi maka kita tidak mendapat perkhidmatan perkembangan ekonomi. Sekiranya kita tidak mempunyai rancangan siaran seperti iklan maka masyarakat kita tidak mempunyai publisiti siaran luar dan sebagainya.

Kajian di bab sebelum ini dapat membuktikan tahap penilaian RTM sebagai saluran maklumat yang lengkap, tepat dan boleh dipercayai adalah tinggi di kalangan rakyat berbanding dengan stesen-stesen penyiaran yang lain. Kadar tertinggi bagi kaum Melayu dan Cina mempercayai saluran ini mempunyai maklumat yang lengkap, tepat dan boleh dipercayai ialah 44% dan 41% dan kaum India sebanyak 40% iaitu tahap sederhana ke atas .

Iklan atau rancangan sisipan merupakan bahan-bahan siaran yang disiarkan di pertengahan sesuatu rancangan biasa atau bermulanya sesuatu rancangan. Saluran TV1 dan Saluran TV2 biasanya menyiaran rancangan sisipan berbentuk iklan, promosi produk dan perkhidmatan dan muzik selingan yang terdiri daripada muzik berbentuk vokal yang bertemakan cinta kepada Tuhan, alam, kedua ibu bapa dan keluarga. Muzik

selingan juga disiarkan dalam bentuk instrumental dan kebanyakkan muzik selingan ini adalah bersumberkan muzik tempatan. TV1 juga menyiaran sisipan yang lain seperti siaran azan atau pengumuman waktu sembanyang, hebahan jadual rancangan dan lain-lain pengumuman awam oleh kerajaan.

Iklan-iklan yang disiarkan melalui radio dan TV RTM adalah dikelolakan oleh Bahagian Perdagangan RTM. Mendapatkan wang bukanlah objektif RTM yang utama tetapi tujuan yang sebenarnya ialah bagi menggunakan media massa secara meluas dan paling berkesan untuk memenuhi kemahuan dan keperluan para pengguna bagi produk-produk buatan Malaysia. Memandangkan semakin banyak industri yang mengiklankan produk keluaran mereka, maka hasil RTM telah meningkat dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun semua hasil ini tidak dibelanjakan oleh RTM tetapi ia diserahkan kepada pihak Perbadanan Negara. Berikut adalah Jadual 4.2 yang menunjukkan jumlah pendapatan RTM melalui iklannya Di Saluran TV1 dan Saluran TV2 dan Radio Malaysia bagi tahun 1989 hingga 2000.

Jadual 4.2 : Jumlah Pendapatan Melalui Iklan RTM TV Dan Radio

Malaysia Bagi Tahun 1989 Hingga 2000

TAHUN	TV MALAYSIA	RADIO MALAYSIA
1994	RM 300.5 JUTA	RM 47.7 JUTA
1995	RM 314.8 JUTA	RM 52.2 JUTA
1996	RM 396.5 JUTA	RM 115.0 JUTA
1997	RM 290.2 JUTA	RM 38.2 JUTA
1998	RM 157.8 JUTA	RM 28.0 JUTA
1999	RM 133.6 JUTA	RM 27.9 JUTA
2000	RM 120.4 JUTA	RM 27.4 JUTA

Sumber : Cawangan Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia 2000

RTM juga turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan membangunkan industri perfileman termasuk drama demi menggalakan penerbitan dan penggunaan program-program tempatan. Tindakan RTM adalah selaras dengan keputusan kerajaan dalam membantu industri filem negara di mana stesen televisyen di Malaysia telah diberikan waktu siaran bagi menyiarkan program drama dan hiburan yang diterbitkan oleh penerbit swasta tempatan. Kita dapat RTM menyiarkan filem-filem yang dibuat khas untuk televisyen dan filem-filem untuk pawagam. Pertimbangan untuk memberi peluang kepada penerbit-penerbit filem tempatan dan sebagainya adalah berdasarkan kepada pertimbangan ekonomi iaitu memberi nafas yang baru kepada industri filem.

Dengan mempertahankan tayangan program-program tempatan, kita dapat mengurangkan program import kepada 80 % pada tahun 2003. Hasil daripada langkah ini, kita akan dapat mengurangkan pengaliran wang keluar dan mempergiat sektor perfileman negara di samping dapat memperkuuh asas nilai bangsa dalam pemprograman RTM.

Bagi mencapai matlamat iaitu "*membantu mewujudkan kesedaran sivik dan mengalakkan perkembangan seni dan kebudayaan Malaysia*", badan rasmi kerajaan ini telah menujuhkan Bahagian Hiburan, Drama dan Muzik yang berusaha menerbitkan pemprograman hiburan dan muzik untuk televisyen serta menerbitkan buku-buku muzik lagu-lagu Nasional. Bahagian ini juga tidak ketinggalan dalam mencungkil, menggalak dan memajukan bakat-bakat baru dalam bidang muzik dan nyanyian melalui rancangan

Bintang HMI dan *Hiburan Minggu Ini*. Unit ini juga menerbitkan piring-piring transkripsi, bertanggungjawab menghidupkan serta mempopularkan muzik tradisional seperti *Dendang Warisan, Gendang Kencana, Dikir Barat, Bintang Irama Melayu Asli* dan *Ghazal* bagi memupuk dan mewarisi adat resam Melayu di kalangan rakyat Malaysia agar tidak ditelan zaman. Di bawah ini kita dapat melihat Jadual 4.3 yang menunjukkan pemrograman khas terbitan tempatan oleh Bahagian Hiburan sepanjang tahun 2000.

Jadual 4.3 : Rancangan Khas Terbitan Tempatan oleh Bahagian

Hiburan, Drama dan Muzik Sepanjang Tahun 2000

RANCANGAN KHAS TERBITAN HIBURAN						
RANCANGAN KHAS TERBITAN TEMPATAN						
BIL	TAJUK	RANCANGAN	JENIS/FORMAT	HARI	WAKTU	TV
1	Hiburan Minggu Ini	Hiburan	Ahad	Malam	TV1	
2	Celebriti	Game Show	Iasnin	Malam	TV1	
3	Dendang Warisan	Hiburan	Sabtu	Malam	TV1	
4	Golden Evening	Hiburan	Sabtu	Malam	TV2	
5	Gendang Kencana	Hiburan	Jumaat	Malam	TV1	
6	Forever Yours	Hiburan		Malam	TV2	
7	Cabarhan The Tarik F&N	Game Show	Ahad	Malam	TV1	
8	Bintang Irama Melayu Asli	Pertandingan	Ahad	Malam	TV1	
9	Teen Star	Pertandingan	-	Malam	TV2	
10	Dikir Barat	Hiburan	Ahad	Malam	TV1	
11	Bintang Kecil	Hiburan	Sabtu	Petang	TV1	
12	Bintang HMI	Hiburan	Ahad	Malam	TV1	

Sumber : Cawangan Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia 2000

Rancangan drama yang disiarkan pula lebih kepada menitikberatkan aspek-aspek penting seperti kepincangan masyarakat, penyalahgunaan dadah dan isu rumah tangga

yang dijadikan tema untuk menyedarkan masyarakat akan keburukan keruntuhan akhlak seseorang. Tema yang dipilih oleh RTM adalah selaras dengan piagam pelanggan RTM yang berjanji menyiaran pemrograman radio dan televisyen yang bermutu tinggi, bersesuaian dengan dasar-dasar dan aspirasi negara dan memenuhi citarasa rakyat menerusi rancangan hiburan/drama yang berkualiti, pemupukan nilai-nilai murni serta bersikap positif dan terbuka dalam menangani sebarang masalah rakyat dan negara.

Laporan Kajian Peranan RTM sebagai Media Saluran Maklumat 2000 mendapati bahawa program yang diatur dan disiarkan oleh Saluran TV1 dan Saluran TV2 telah menambahkan ilmu pengetahuan dan penerapan nilai-nilai murni di kalangan penonton. Ini berdasarkan keputusan responden di kalangan semua kaum yang menilainya di tahap yang sederhana dan ke atas. Tahap penilaian kaum Melayu adalah sebanyak 89% dan kaum Cina pula 85% serta kaum India sebanyak 91%.

Berdasarkan Jadual 4.4, didapati bahawa stesen penyiaran di Malaysia menyiaran sebanyak 164 program atau 51.89 peratus daripada keseluruhan siaran dalam bentuk program hiburan. Contohnya program hiburan seperti *C.O.P.S* , *Janna of the Jungle* , *Police Academy* , *Alf*, *Don Coyote* dan sebagainya untuk kanak-kanak, *Akai Moero* , *Drama Swasta*, *Drama Arab*, *Mustika Filem*, *Drama Kantonis* dan sebagainya untuk keluarga, *Dewi-dewi Pop*, *Jade Solid Gold*, *Sensasi* dan sebagainya untuk golongan remaja. Berikut adalah jadual jumlah program televisyen di Malaysia (seminggu) mengikut fungsi.

Jadual 4.4 : Jumlah Program TV di Malaysia (Seminggu)

Mengikut Fungsi

PROGRAM/ SALURAN	TV1	TV2	TV3	JUMLAH
Hiburan	67	46	51	164
Informasi	47	34	37	118
Pendidikan	27	5	2	34
Jumlah	141	85	90	316

Sumber : Cawangan Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia 2000

Daripada jumlah ini, Saluran TV1 menyiaran sebanyak 67 program atau 40.85 peratus dan Saluran TV2 menyiaran 46 program atau 28.04 peratus. Ini menunjukkan

RTM juga menekankan program-program yang berbentuk hiburan. Apabila kita mengkategorikan drama sebagai hiburan, sebenarnya terdapat unsur-unsur yang lain dalam drama tersebut, misalnya drama *Opah*. Kepada seorang escapist drama ini hanyalah hiburan semata-mata. Namun begitu, dalam *Opah* terdapat unsur-unsur pendidikan yang digambarkan melalui aksi dan kegiatan watak-watak yang dipaparkan. Terdapat juga unsur pendidikan yang digambarkan melalui set gambar pemimpin negara untuk menanamkan semangat kesetiaan dan banyak lagi drama yang membawa *latent message* ini tetapi dikategorikan sebagai hiburan.

Dalam seminggu terdapat tidak kurang daripada 10 drama atau filem Melayu yang disiarkan oleh stesen-stesen penyiaran. Manakala rancangan drama yang disiarkan adalah berbentuk drama tunggal, drama bersiri dan drama serial. Drama bersiri lebih kepada rekaan dan ceritanya dari satu episod ke episod lain tidak bersambung namun pada siaran seterusnya masih menggunakan pelakon yang sama. Drama serial lebih ke arah episod yang bersambungan dengan menggunakan pelakon-pelakon yang sama. RTM lebih gemar menyiarkan drama jenis ini agar dapat mengekalkan khalayaknya yang sedia ada supaya dapat terus menonton rangkaian *Teman Setia Anda*.

Dalam program hiburan itu sendiri, contohnya terdapat unsur-unsur pendidikan melalui lawak jenaka, hebahan, set dan pakaian yang terdapat dalam sesebuah program. Setakat ini tidaklah perlu merasa walang kalau hanya terdapat kira-kira 10 peratus program TV di Malaysia berbentuk pendidikan kerana unsur-unsur pendidikan disampaikan secara tersirat dalam program-programnya. Ia sesuai dengan ciri media

elektronik yang mendidik secara menghibur dan memberi infomasi *in small doses* menjadikan konsep *infotainment* RTM sebagai pendekatan yang praktikal . Tugas ini selaras dengan matlamat 4M RTM yang melahirkan masyarakat yang mempunyai akhlak yang baik dan menerapkan konsep masyarakat penyayang yang digariskan oleh kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Kementerian Penerangan.

Penyiaran pemrograman seumpama ini menyuburkan perasaan yakin rakyat terhadap kerajaan. Berdasarkan kajian yang dibincangkan di bab tiga didapati kadar yang berpendapat bahawa RTM tiada langsung peranannya dalam menanam perasaan yakin terhadap kerajaan adalah kurang iaitu kaum Melayu sebanyak 2%, Cina sebanyak 1% serta India dan kaum-kaum lain sebanyak 2% sahaja. Hampir keseluruhan responden berpendapat RTM berperanan sederhana dan ke atas dalam menerapkan dan menanamkan perasaan yakin rakyat terhadap kerajaan.

Antara rancangan hiburan lain yang disiarkan menerusi Saluran TV1 dan Saluran TV2 ialah muzikal, tayangan gambar, lawak jenaka dan kuiz atau peraduan. Rancangan muzikal lebih ke arah rancangan pertunjukan aneka ragam dan konsert yang bertujuan memberikan hiburan kepada masyarakat di samping menerapkan nilai-nilai kemasyarakatan di kalangan rakyat. Antara rancangan-rancangan drama yang berformatkan telemovie yang disiarkan di TV1 RTM sepanjang tahun lepas ialah *Ikhlas*, *Pindah, Jalan-jalan ini, Warisan, Bayu di Puncak, Antara Dua Usia, Harga Sebuah Kasih (Kerjasama antara RTM dan RTM Brunei)* dan *Tiada Kedua Kali*. Sementara

drama yang berbentuk komidi yang disiarkan sepanjang tahun lepas ialah *Masam-masam Manis dan Abang Bujang Abang Melayang*.

Siaran drama di TV2 juga memainkan peranan yang penting dan kebanyakan drama yang disiarkan mengambil masa selama sejam. Drama yang disiarkan adalah terdiri daripada drama keluarga, komedi, rekaan sains, penyiasatan seperti *Gerak Khas*, *Kastam* dan tayangan filem panggung yang mempunyai kekerapan dua filem Cina dalam *Slot Chinese Blockbuster*.

Kategori hiburan bagi filem untuk televisyen disiarkan untuk tontonan masyarakat di dalam slot-slot *Sunday Movie*, *Movie Magic*, *Something Extraordinary* dan filem di dalam slot *Friday Cinema*. Sementara filem dari panggung boleh disiarkan di RTM apabila pengarah program merasakan rangkaianya boleh mengaut keuntungan dengan menyiaran filem tersebut. Filem-filem panggung yang kebanyakan disiarkan di Saluran TV2 datangnya dari negara Hong Kong, India dan Amerika Syarikat. Misalnya filem Inggeris *Treacherous* dalam slot *Dunhill Double* dan tayangan gambar tamil dalam *Spice of India*. Namun filem panggung yang berunsurkan keluarga dan penyiasatan mendapat kekerapan yang tinggi di saluran ini bagi melihat dan memperkenalkan kehidupan sosial dan masyarakat sesuatu bangsa dan negara.

Namun berdasarkan kajian Rancangan dan Maklumat Radio Televisyen Malaysia 2000 yang telah diterbitkan oleh Cawangan Penyelidikan Kementerian Penerangan Malaysia didapati bahawa RTM berusaha untuk menyiaran pemprograman tempatan

supaya dapat memainkan peranannya sebagai media pembangunan rakyat dan negara. Walaupun purata import kecil iaitu 3.7 % bagi Saluran TV1 dan 29.77% bagi Saluran TV2 berbanding rancangan tempatan 96.3% bagi Saluran TV1 dan 70.23% bagi Saluran TV2, namun penonton lebih mengemari rancangan import terutama dari barat seperti *X-Files*, *America Funiest Home Video* dan *Action Movie* di Saluran TV2 (Sumber : Laporan Kajian Populariti TV 1996). Jadual 4.5 di bawah menunjukkan peratus rancangan RTM mengikut tempatan dan import.

Jadual 4.5 : Purata Jumlah Masa Siaran/Peratus Rancangan

RTM Mengikut Tempatan dan Asing (IMPORT)

KELUARAN SIARAN	PERATUS (%)	
	TV1	TV2
TEMPATAN	96.3%	70.23%
ASING	3.7%	29.77%
JUMLAH SIARAN	100%	100%

Sumber : Cawangan Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia 2000

4.2.2 Sosial

Dalam bidang sosial pula, sistem penyiaran RTM juga menentukan dasar dan tujuannya sebagai media pembangunan rakyat dan negara. Sistem televisyen dibahagikan kepada dua sistem iaitu sistem komersial dan sistem kerajaan. Sistem komersial perlu mencari hasil yang maksima daripada kegiatan penyiarannya kerana maju atau tidak maju badan penyiaran dalam sistem adalah bergantung pada pendapatannya. Pada umumnya sistem kerajaan pula lebih berbentuk *public service*. Bentuk penyiaran sistem kerajaan di Malaysia berubah apabila terdapat langkah-langkah untuk menjadikan RTM sebagai sebuah perbadanan.

Oleh yang demikian beberapa faktor diberi penekanan apabila kita membincangkan dasar dan tujuan penyiarannya sebagai media pembangunan negara dan rakyat. Jika kita tidak menimbangkan faktor-faktor ini kita mungkin tidak dapat melihat kedudukan perkara secara jelas dan objektif. Setelah dilihat faktor-faktor yang menentukan dasar dan pemprograman TV, kita melihat bagaimakah pemprograman ini memainkan fungsi sosial komunikasi.

Di bidang sosial pula, pengkaji melihat fungsi komunikasi RTM dalam bidang informasi, pendidikan, rancangan kanak-kanak dan wanita. Untuk itu kita akan melihat program-program yang disiarkan oleh TV dalam masa seminggu. Program-program itu akan dibahagikan kepada tiga kategori yang besar iaitu program-program yang berbentuk

informasi, pendidikan dan hiburan. Kita juga akan membahagikan program-program itu kepada empat kategori iaitu program-program untuk kanak-kanak, remaja, wanita dan keluarga. Walaupun penonton bagi program-program ini tidak ekslusif malah bertindih namun analisisnya terhadapnya dapat memberikan gambaran kasar mengenai jumlah program, jumlah waktu siaran dan peratusan program yang ditontoni oleh lapisan masyarakat. Akhirnya kita akan membincangkan program-program agama selaras dasar penerapan nilai-nilai Islam.

Bagaimakah TV memenuhi fungsi sosial komunikasinya ? Daripada jadual 44 yang dibincangkan sebelum ini didapati bahawa stesen-stesen penyiaran di Malaysia menyiaran sebanyak 118 program atau kira-kira 37.34 peratus program informasi. Contohnya, program-program informasi yang disiarkan ialah *321 Contact*, *Electric Company*, *Under the Umbrella Tree* dan sebagainya untuk golongan kanak-kanak , *Berita Wilayah*, *Berita Perdana*, *Dunia Jam 10*, *Business Trends*, *Majalah 3*, *Selamat Pagi Malaysia* dan sebagainya untuk keluarga dan *Nona* untuk wanita. Hampir keseluruhan rancangan yang disiarkan di saluran ini pada waktu malam dari pukul 8.00 hingga 10.00 malam adalah bercorak drama, berita, hal-ehwal semasa dan pendidikan yang disajikan kepada penonton. Waktu ini dianggap sebagai *waktu perdana* yang menjadi tumpuan segenap lapisan masyarakat untuk menonton televisyen. Pada waktu lewat malam pula, RTM khasnya Saluran TV2 bersikap terbuka dalam menyiaran rancangannya untuk khalayak sasarannya yang terdiri daripada golongan dewasa. Misalnya, pada hari Rabu lewat malam disiarkan *Action Movie* yang mempunyai sedikit unsur keganasan yang tidak sesuai ditonton oleh para remaja dan kanak-kanak.

Daripada jumlah program informasi ini didapati bahawa Saluran TV1 menyiaran sebanyak 47 program atau 39.83 peratus program informasi, Saluran TV2 menyiaran sebanyak 34 program atau 28.81 peratus, dan TV3 menyiaran 37 program atau 31.35 peratus. Berdasarkan perangkaan ini, RTM lebih banyak memberikan sumbangan terhadap program informasi iaitu sebanyak 81 program informasi atau 68.64 peratus program informasi yang disiarkan oleh stesen televisyen di negara ini. Daripada perangkaan ini juga didapati bahawa TV1 lebih banyak menyiaran program berbentuk informasi.

Pemprograman berbentuk informasi yang paling utama bukan sahaja bagi stesen RTM malahan bagi stesen-stesen yang lain ialah berita. Siaran berita di saluran televisyen tidaklah seperti pemaparan berita di dalam akhbar kerana ia bergantung kepada faktor masa. Ini adalah berikutkan rancangan berita merupakan satu kemestian bagi seluruh rakyat negara menontonnya kerana ia menyalurkan berita terkini dalam dan luar negara. Maka, Jabatan Berita adalah bertanggungjawab kepada kesemua berita yang disiarkan di dalam pelbagai aliran bahasa.

Bahagian Berita dan Ehwal Semasa Televisyen RTM menyiaran berita dari semasa ke semasa bagi menyalurkan dan menyebarkan maklumat kepada rakyat berhubung dasar-dasar kerajaan. Penerbitan berita di bahagian ini adalah lebih ke arah matlamat RTM *"menerangkan dengan cara mendalam dan liputan seluas-luasnya*

dasar dan rancangan kerajaan bagi membolehkan rakyat memahami dengan tepat dan sepenuhnya dasar dan rancangan tersebut ". Matlamat ini juga selaras dengan kajian Cawangan Penyelidikan dalam Laporan Kajian Peranan RTM Sebagai Saluran Maklumat Kerajaan kerana menunjukkan kesemua kaum berpuas hati dengan pencapaian RTM sebagai media yang berjaya menyampaikan mesej kerajaan kepada rakyat. Ini kerana kadar yang mengatakan RTM kurang berfungsi sebagai penyampai mesej adalah rendah iaitu kaum Melayu sebanyak 11%, Cina sebanyak 17% dan India serta kaum-kaum lain ialah sebanyak 9%.

Ia juga menyelaras semua siaran rancangan yang berpuncak dari studio dan siaran luaran serta langsung dari dalam dan luar negara. Berita Ehwal Semasa memberi liputan lengkap tentang segala peristiwa yang berlaku di sekitar tanahair. Setiap hari sebanyak 62 berita disiarkan menerusi siaran radio dalam negeri dan 16 berita di kedua-dua rangkaian RTM. Antara rancangan berformat yang mendedahkan maklumat kepada rakyat ialah *Berita Mutakhir 8 Pagi, Berita Mutakhir 9 Pagi, Berita Mutakhir 10 Pagi, Berita Mutakhir 11 Pagi, Berita Tengahari 12.30, Berita Mutakhir 2 Petang, Berita Mutakhir 4 Petang, Berita Wilayah 6 Petang, Berita Perdana 8 Malam, Berita Dunia Jam 10, Berita Akhir 12.30 Pagi, Berita Tamil 5.30 Petang, Berita Mandarin 6.30 Petang, News On 2 8PM dan World News 12am*. Berikut adalah jadual siaran berita terbitan Bahagian Berita dan Ehwal Semasa yang disiarkan sepanjang tahun 2000 hingga sekarang.

Jadual 4.6 : Siaran Berita Terbitan Bahagian Berita dan Ehwal Semasa Sepanjang Tahun 2000

RANCANGAN TERBITAN BERITA DAN EHWAL SEMASA					
SIARAN BERITA					
BIL	TAJUK RANCANGAN	JENIS /FORMAT	J/MASA	T/SIARAN	TV
1	Berita Pagi	S/Langsung	1/2 jam	Setiap hari	TV1
2	Berita Mutakhir 8 Pagi	S/Langsung	5minit	Setiap hari	TV1
3	Berita Mutakhir 9 Pagi	S/Langsung	5 minit	Setiap hari	TV1
4	Berita Mutakhir 10 Pagi	S/Langsung	5 minit	Setiap hari	TV1
5	Berita Mutakhir 11 Pagi	S/Langsung	5 minit	Setiap hari	TV1
6	Berita Tengahari 12.30	S/Langsung	15 minit	Setiap hari	TV1
7	Berita Mutakhir 2 Petang	S/Langsung	5 minit	Setiap hari	TV1
8	Berita Mutakhir 4 Petang	S/Langsung	5 minit	Setiap hari	TV1
9	Berita Mutakhir 6 Petang	S/Langsung	1/2 jam	Setiap hari	TV1
10	Berita Perdana 8 Malam	S/Langsung	1 jam	Setiap hari	TV1
11	Berita Dunia Jam 10	S/Langsung	1/2 jam	Setiap hari	TV1
12	Berita Akhir 12.30 Pagi	S/Langsung	1/2 jam	Setiap hari	TV1
13	Berita Tamil 5.30 Petang	S/Langsung	1/2 jam	Setiap hari	TV2
14	Berita Mandarin 6.30 Petang	S/Langsung	1/2 jam	Setiap hari	TV2
15	News On Two 8 Pm	S/Langsung	1/2 jam	Setiap hari	TV2
16	World News 12am	S/Langsung	1/2 jam	Setiap hari	TV2

Sumber : Cawangan Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia 2000

Berdasarkan Jadual di atas rancangan berita mempunyai kekerapan siaran yang paling tinggi berbanding rancangan biasa yang lain. Berita Sisipan atau berita Mutakhir mempunyai kekerapan yang paling tinggi di Saluran TV1 .Sementara di Saluran TV2 disiarkan berita Tamil khusus untuk masyarakat India serta berita Mandarin untuk masyarakat Cina. Inisiatif ini menunjukkan RTM cuba menyediakan rancangan-rancangan yang terbaik untuk masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Di bidang sosial, RTM juga tidak ketinggalan dalam menyiaran pemprograman yang bercorak pendidikan agama. Pemprograman seumpama ini bertujuan meninggikan syiar agama rasmi iaitu Agama Islam dengan memberi liputan luas tentang aktiviti agama yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Sehubungan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah dipertanggungjawab untuk menyediakan pemprograman agama untuk RTM. RTM menganggap pemprograman ini penting untuk menyebarkan ajaran agama Islam dan menggerakkan dakwah Islam secara betul untuk semua lapisan masyarakat bagi membantu mencapai matlamat Rukunegara.

Antaranya program pendidikan RTM ialah *Asuhan Budi, Pelita Hati* bagi golongan kanak-kanak, *Ehwal Islam, Ibadat Haji, Lughatul Quran, With the Quran, Visi Suci* dan *Panduan Keluarga* untuk keluarga, *Pengetahuan Islam, Terjemahan Al-Quran, Nashyid, Doa Mukmin, Seulas Pinang, HIWAR, AN-NUR, HAWA, Forum Perdana* dan *Diskusi* disiarkan untuk golongan dewasa di Saluran TV1. Sementara rancangan berbentuk ceramah seperti *Muhasabah Diri, Thought for the day*, doa seperti *Doa Mukmin*, lagu-lagu dakwah seperti *Islam dan Kehidupan*, soal-jawab seperti *Iiham Suci*, dokumentari seperti *Laghatul Arabiah* dan berita seperti *Seni Islam, Live from Masjid* seperti *Khutbah Jumaat*, Bahasa Cina seperti *Iman*, Bahasa Inggeris seperti *Pedoman* dan *Uswah* bagi Bahasa Tamil.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Cawangan Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia menerusi *Laporan Kajian Peranan RTM sebagai*

Saluran Maklumat Kerajaan 2000 mendapati bahawa rancangan yang paling popular di kalangan rakyat ialah Forum Perdana iaitu sebanyak 79% yang kebanyakannya ditonton oleh kaum Melayu yang terdiri daripada semua tahap pendidikan dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Hasil kajian laporan ini selaras dengan objektif RTM dalam "menyebarluaskan maklumat menerusi Radio dan Televisyen kepada semua penduduk di seluruh pelusuk negara yang membina sikap, peribadi, pemikiran dan nilai-nilai yang sesuai untuk memaju dan menjayakan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat selaras dengan cita-cita negara".

Berdasarkan keratan akhbar dari Berita Harian bertarikh 8hb Julai 1999, rancangan *Forum Perdana Ehwal Islam* yang disiarkan menerusi saluran TV1 setiap hari Khamis telah mendapat tempat kedua daripada 10 rancangan yang paling digemari oleh penonton. (Sila lihat Lampiran 3). Kajian yang telah dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapati rancangan tersebut digemari oleh pelbagai lapisan masyarakat. Berdasarkan kajian JAKIM, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman berkata kedudukan itu membuktikan rancangan bercorak agama mendapat sambutan yang menggalakkan dari segenap lapisan masyarakat. Menurut beliau :

Penerbitan rancangan dan ceramah-ceramah yang disiarkan di RTM mampu membimbing masyarakat meningkatkan prestasi kehidupan pada alaf yang baru, memberi pendidikan Islam kepada masyarakat, mewujudkan masyarakat maju dan mengutamakan perpaduan sekaligus memajukan negara. Tugas mereka

ialah menyampaikan kepada orang ramai pegangan Islam seseorang itu tidak sempurna kalau tidak berusaha membina kehidupan yang sejahtera .

(Sumber : Berita Perdana, 5hb Mei 2002)

Cawangan Penyelidikan juga dapat membuktikan menerusi kajiannya di bab tiga bahawa rakyat sedar akan penyiaran program-program pendidikan menerusi Saluran TV1 dan Saluran TV2. Selain program agama, terdapat juga pemprograman yang bercorak pendidikan dan informasi seperti *Selamat Pagi Malaysia, Komentar, Gemilang Malaysia, Isu, Moving On 2* dan *Info Nasional*. Kadar responden yang sedar adanya maklumat yang bercorak informasi dan pendidikan yang disampaikan oleh pengacara adalah sebanyak 67% dan melalui pemprograman TV RTM ialah sebanyak 79%. Kebanyakan responden menyokong pendapat ini terdiri daripada lelaki dan wanita Melayu yang berpelajaran. Berikut adalah jadual 4.7 yang menunjukkan pemprograman pendidikan agama terbitan JAKIM sepanjang tahun 2000.

Jadual 4.7 : Rancangan Terbitan JAKIM Sepanjang tahun 2000

RANCANGAN TERBITAN JAKIM					
Bahagian Media Elektronik dan Penyiaran JAKIM 2000					
BIL	TAJUK RANCANGAN	JENIS /FORMAT	J/MASA	T/SIARAN	TV
1	Sembahyang Raya M/Negara	S/Langsung		8.1.00	TV1
2	Solat Raya dari Mekah	Rakaman		8.1.00	TV1
3	Nasyid Khas-H/Raya	Hiburan/Pendidikan		8.1.00	TV1
4	Nasyid Khas- (B.Inggeris)	Hiburan/Pendidikan		8.1.00	TV2
5	Dokumentari Raya	Rencana		8.1.00	TV1
6	Dokumentari Raya-(B.Inggeris)	Rencana		8.1.00	TV2
7	Ukkuff di Araffah	S/Langsung		16.3.00	TV1
8	Sembahyang Hari Raya	S/Langsung		16.3.00	TV1
9	Nasyid Aidil Adha	Hiburan/Pendidikan		16.3.00	TV1
10	Nasyid Aidil Adha-(B.Inggeris)	Hiburan/Pendidikan		16.3.00	TV2
11	Dokumentari Hari Raya	Rencana		16.3.00	TV1
12	Dokumentari Hari Raya- B.Ing	Rencana		16.3.00	TV2
13	Maal Hijrah (Perhimpunan)	S/Langsung		16.4.00	TV1
14	Nasyid Khas	Hiburan/Pendidikan		16.4.00	TV1
15	Nasyid-Bahasa Inggeris	Hiburan/Pendidikan		16.4.00	TV2
16	Dokumentari Maal Hijrah	Rencana		16.4.00	TV1
17	Dokumentari Maal Hijrah-B.Ing	Rencana		16.4.00	TV2
18	Hafaz Al-Quran (24 Siri)	Rakaman		Sepanjang Sep'	TV1
19	Perhimpunan Maulidur	S/Langsung			TV2
20	Dokumentari Maulud	Rencana		15.6.00	TV1
21	Dokumentari Maulud B.Inggeris	Rencana		15.6.00	TV2
22	Nasyid Khas Maulud	Hiburan/Pendidikan		15.6.00	TV1
23	Nasyid Khas Maulud-B.Inggeris	Hiburan/Pendidikan		15.6.00	TV2
24	Majlis Tilawah Al-Quran Kebgn.	S/Langsung		18-22.9.00	TV1
25	Majlis Tilawah Al-Quran A/B	S/Langsung		6-12.11.00	TV1
26	Pengistharan Puasa	Pengumuman		26.11.00	TV1/TV2
27	Terawih Di Mekah 1 jam Sehari	Rakaman		17-26.11.00	TV1
28	Syar Ramadhan	Rencana		27-26.12.00	TV1
29	Sembahyang Raya di Mekah	Rakaman		27.12.00	TV1
30	Sembahyang Raya di M/Negara	S/Langsung		27.12.00	TV1
31	Dokumentari Raya	Rencana		27.12.00	TV1
32	Dokumentari Raya-(B.Inggeris)	Rencana		27.12.00	TV2
33	Nasyid Khas Raya	Hiburan/Pendidikan		16.4.00	TV1
34	Nasyid Khas Raya-(B.Inggeris)	Hiburan/Pendidikan		16.4.00	TV2

Sumber : Cawangan Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia 2000

Dalam soal sosial, RTM turut memuatkan isu-isu moral untuk golongan kanak-kanak yang membawa mesej positif dan boleh dijadikan iktibar. Rancangan-rancangan import yang disiarkan menerusi Saluran TV1 dan Saluran TV2 juga mengandungi mesej-mesej positif sejagat. Walaupun tidak melambangkan budaya kita namun kebanyakan rancangan seperti *Sesame Street*, *Barney and Friends* dan *Polka Dot Door* membawa mesej yang bermakna bagi golongan kanak-kanak.

Kanak - kanak adalah mereka yang berumur dari enam hingga dua belas tahun. Kajian oleh Cawangan Penyelidikan Kementerian Penerangan Malaysia mendapati golongan yang berusia 24 tahun ke atas lebih banyak menghabiskan masa di hadapan televisyen berbanding kanak-kanak dan pelajar sekolah. Kini berandaian bahawa kanak-kanak menonton televisyen pada pukul 4.30 petang hingga 6.30 petang. Kajian yang dibuat oleh kementerian mendapati 19% hingga 24% kanak-kanak yang berusia antara 6 hingga 14 tahun menonton televisyen dari pukul 6.30 petang hingga 9.30 malam. Mungkin pada masa hadapan rancangan-rancangan am slot prime time viewing patut dikaji semula untuk disesuaikan kepada *family time viewing*.

Berdasarkan Jadual 4.8 di bawah antara program - program yang digolongkan sebagai program kanak- kanak ialah rancangan kartun , *Asuhan Budi* dan program *Kelab Kanak - Kanak Angkasapuri* . Dari pada intisari program seminggu , adalah didapati bahawa daripada sejumlah 49 program atau 15.05 % ditujukan untuk kanak - kanak . Daripada jumlah ini , TV1 menyiar 32 program kanak - kanak atau 65.30 % , TV2

menyiarkan tiga program atau 6.12% dan TV3 menyiarkan 14 program atau 28.57%. Dari pada perangkaan ini didapati bahawa RTM 71.42% program kanak - kanak yang disiarkan melalui televisyen di Malaysia.

Jadual 4.8 : Jumlah Program TV 1991 (Seminggu)

Menurut Khalayak

PROGRAM/ SALURAN	TV1	TV3	TV3	JUMLAH
Kanak-kanak	32	3	14	49
Keluarga	105	79	70	254
Wanita	1	2	3	6
Remaja	3	1	3	7
Jumlah	141	85	90	316

Sumber : Cawangan Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia 2000

Pemprograman RTM juga menitiberatkan soal pengaruh televisyen terhadap golongan kanak-kanak. Pengaruh televisyen terhadap seseorang memanglah tidak sama. Baik kanak-kanak mahu pun golongan dewasa tahap keberkesanan sesuatu rancangan atau tahap pengaruh TV adalah berbeza mengikut gaya hidup sewaktu kita dibesarkan, ajaran agama yang diterima, pendidikan formal di sekolah, pergaulan rakan sebaya dan pengaruh alam sekitar. Misalnya di United Kingdom kesedaran pengguna amat tinggi dan pendidikan pengguna diajar di sekolah-sekolah.

Oleh hal yang demikian, badan penyiaran di negara tersebut amat peka akan sensitiviti dan kehendak khalayaknya. Namun pengaruh televisyen di United Kingdom masih menjadi satu tanda tanya kerana masyarakat di negara tersebut menghabiskan masa melakukan aktiviti-aktiviti yang lain selain menonton televisyen. Begitu juga dengan keadaan di Jepun ketika televisyen mula diasaskan di negara tersebut. Misalnya, kanak-kanak mula mengajuk lagu-lagu iklan, mula makan sambil menonton televisyen dan golongan ini kurang membantu kerja-kerja rumah kerana menghabiskan masa dengan menonton televisyen. Hari ini terdapat 67 juta isirumah yang menonton televisyen di Jepun dan pengaruhnya agak berbeza mengikut umur berdasarkan pengalaman era masing-masing. Misalnya, penerimaan golongan umur 50 tahun yang mengalami keperitan Perang Dunia Kedua berbeza dengan peringkat umur 20 hingga 30 tahun, yang jiwanya sentiasa memberontak. Persekitaran multimedia berubah mengikut masa. Pengaruh interaktif televisyen semakin kuat. Terdapat 30 juta "*Nintendo Kids*" yang

begitu khusuk dengan dunia interactive games dan ini telah membawa kepada pengaruh negatif.

Berikut faktor-faktor ini, RTM kini lebih prihatin dengan pembentukan pemprogramannya dengan memastikan "*the right messages are being channelled to the right audience at the right time*". Dengan demikian dapatlah dimanfaatkan apa jua rancangan yang disiarkan melalui televisyen dan radio RTM sesuai dengan anggapan bahawa rancangan-rancangan yang disiarkan dapat membantu pembentukan moral yang tinggi sesuai dengan tujuan mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaklumat, berilmu dan berpegang kepada nilai-nilai murni bagi memartabatkan lagi bangsa dan negara Malaysia.

Timbalan Menteri, Kementerian Penerangan Datuk Khalid Yunus dalam wawancaranya bersama Utusan pada 28hb Januari 2000 pernah berkata, pada dasarnya penerapan mesej dan nilai-nilai positif menerusi RTM sudah bermula secara beransur-ansur mulai sekarang. Katanya, tumpuan bagi tujuan ini dibuat pada pemrograman RTM khasnya tempatan yang akan merangkumi keperluan keadaan generasi muda, pendidikan, hebahan, hiburan drama dan sebagainya

RTM juga tidak ketinggalan dalam menyiaran rancangan-rancangan bagi kaum wanita bagi membangunkan sosio-ekonomi mereka selaras dengan pembangunan negara. Antara rancangan-rancangan yang disiarkan ialah *Kuali, Alam's Kitchen, Selera Kampung, Minda Wanita* dan sebagainya untuk golongan kaum Wanita. Daripada

jumlah ini didapati bahawa Saluran TV1 menyiarkan sebanyak 27 program atau 74.41 peratus dan Saluran TV2 sebanyak 5 program atau 17.70 peratus dan TV3 menyiarkan sebanyak 2 program atau 5.88 peratus. Ini bermakna bahawa RTM menyiarkan 94.11 peratus program yang berbentuk pendidikan.

Daripada sumber intisari rancangan yang sama adalah didapati bahawa terdapat hanya enam program atau 1.89 % program ditujukan khas kepada kaum wanita . Program - program yang digolongkan dalam kategori ini ialah program - program memasak , fesyen dan hal ehwal wanita . Daripada jumlah ini Saluran TV1 menyiarkan satu program atau 16.66 % dan Saluran Dua menyiarkan dua program atau 33.33 % daripada program khusus untuk kaum wanita . RTM juga terus diberi kepercayaan untuk mengendalikan program memasak khas untuk golongan wanita. Rancangan Enaknya Neptune akan mula disiarkan mulai tahun ini di Saluran TV2 dengan menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan Mandarin. Bagi pemahaman wanita Melayu dan India, sarikata dalam bahasa Melayu turut disediakan.

Pengkaji dapat merumuskan bahawa pihak stesen RTM prihatin terhadap khalayak penontonnya yang terdiri daripada kalangan suri rumah tangga dan orang dewasa yang tidak bekerja. Jesteru, rancangan-rancangan bermaklumat tersebut mampu memberi pengetahuan kepada khalayak sasarannya.

Sementara, rancangan *Selamat Pagi Malaysia* oleh Bahagian Hal Ehwal Awam yang disiarkan setiap hari pada waktu pagi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 pagi

memainkan peranan yang penting dalam meyalurkan maklumat terkini di samping memaparkan isu-isu semasa, fokus, pendidikan, kesihatan dan berita-berita luar negara yang mendokong usaha kerajaan dalam melahirkan masyarakat yang bermaklumat selaras dengan Wawasan 2020. Saluran Perdana TV1 lebih bercorak pendidikan dan berbentuk penerangan manakala Saluran Emas TV2 untuk penyiaran drama hiburan berbahasa Inggeris, Tamil dan Mandarin. RTM menyedari bahawa pentingnya penyampaian maklumat yang berkesan. Sehubungan dengan ini, RTM telah mula mengembangkan pemprogramannya dengan penggunaan peralatan berteknologi sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat di seluruh dunia. Berikut adalah jadual contoh-contoh pemrograman tempatan yang disiarkan oleh bahagian ini sepanjang tahun 2000.

Jadual 4.9 : Rancangan Khas Terbitan Tempatan oleh Unit Hal Ehwal Awam

Sepanjang Tahun 2000

RANCANGAN KHAS TERBITAN UNIT HAL EHWAL AWAM RANCANGAN KHAS TERBITAN TEMPATAN					
BIL	TAJUK RANCANGAN	JENIS/FORMAT	J/MASA	T/SIARAN	TV
1	Ucapan Tahun Baru 2000	Perutusan Khas	00:25	Januari	TV1/TV2
2	Ucapan Hari Raya Puasa	Perutusan Khas	00:25	Februari	TV1/TV2
3	Ucapan hari Keputeraan Agong	Perutusan Khas	00:20	Jun	TV/TV2
4	Ucapan Rayuan Hari Pahlawan	Perutusan Khas	00:20	Julai	TV1/TV2
5	Ucapan Hari Pahlawan	Perutusan Khas	00:20	Julai	TV1/TV2
6	Ucapan Hari Kebangsaan	Perutusan Khas	00:25	30.8.2000	TV1/TV2
7	Ucapan Hari Angkatan Tentera	Perutusan Khas	00:20	8.9.2000	TV1/TV2
8	Ucapan Hari Raya Puasa	Perutusan Khas	00:25	26.12.2000	TV1/TV2
RANCANGAN KHAS					
9	Masakan Chinese New Year	Pendidikan	00:30	16.2.2000	TV2
10	Kanak-Kanak Chinese New Year	Pendidikan	00:30	7.2.2000	TV2
11	Pembukaan Parlimen	Siaran Lansung	02:00	March 00	TV1
12	Pembentangan S/Belanjawan 00	Siaran Lansung	02:00	March 00	TV1
13	Dokumentari SPB YDP Agong	Pendidikan	00:45	26.4.2000	TV1
14	Rancangan Citrawarna	Siaran Lansung	01:30	27.5.2000	TV1
15	Sambutan Hari Pekerja	Siaran Lansung	01:00	29.7.2000	TV1
16	Dokumentari Keris Melayu	Pendidikan	00:30	10.8.2000	TV1
17	Sambutan Hari Wanita	Pendidikan	01:00	29.8.2000	TV1
18	Di Ambang Merdeka	Siaran Lansung	02:00	30.8.2000	TV1
19	Dokumentari Merdeka	Rencana	01:00	30.8.2000	TV1/TV2
20	Perarakan Hari Kebangsaan	Siaran Lansung	04:00	31.8.2000	TV1
21	Merdeka Trail	Siaran Lansung	04:00	31.8.2000	TV2
22	Sambutan Bulan B/ Sastera	Siaran Lansung	01:00	7.9.2000	TV1
23	Hari Perpaduan	Siaran Lansung	02:00	17.9.2000	TV1
24	Penutupan Bulan Merdeka	Siaran Lansung	02:00	10.10.2000	TV1
25	Pengistiyaran S/Alam B/Raya	Siaran Lansung	02:00	27.10.2000	TV1
26	Belanjawan Negara 2001	Siaran Lansung	01:00	21.11.2000	TV1/TV2
27	Hari Kanak-Kanak Sedunia	Siaran Lansung	01:00	28.10.2000	TV1
28	Dokumentari Galeri Di raja	Rencana	00:30	21.11.2000	TV1
29	Kanak-Kanak Christmas Cheers	Hiburan	00:30	25.12.2000	TV2
30	Dokumentari Hari Raya	Rencana	00:30	27.12.2000	TV1
31	Kanak-kanak Hari Raya Game	Hiburan	00:45	28.12.2000	TV1
32	Kanak-kanak Hari Raya	Hiburan	00:45	28.12.2000	TV1
33	Rancangan Kanak UNICEF	Pendidikan	00:30	Disember	TV2

Sumber : Cawangan Penyelidikan, Kementerian Penerangan Malaysia 2000

Untuk golongan remaja , iaitu bagi mereka yang dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun , terdapat tujuh program atau 2.21% seminggu . Daripada jumlah ini , Saluran TV1 dan Saluran TV2 masing-masing menyiarkan tiga dan satu program atau masing - masing 42.85 % dan 14.28 % program remaja seminggu . Sementara itu TV3 pula menyiarkan tiga program atau 42.85 % program remaja . Daripada data ini dapatlah disimpulkan bahawa golongan remaja tidak menjadi tumpuan kepada stesen televisyen di Malaysia.

Keluarga menjadi pusat tumpuan siaran televisyen di Malaysia . Sebanyak 254 program atau 80 . 37 % program - program untuk keluarga . Daripada jumlah program untuk keluarga Saluaran Satu menyiarkan 105 program atau 41.33 % , Saluran Dua menyiarkan 79 program 31 .10 % dan TV3 menyiarkan 70 program atau 27.55 % daripada keseluruhan program untuk keluarga di Malaysia.

Struktur masyarakat juga menjadi salah satu faktor yang dipertimbangkan dalam pembentukan pemrograman sosial di RTM. Misalnya, di negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan keturunan, maka program-program yang selaras dengan keturunan warganegara telah diwujudkan. Mereka pula boleh dibahagikan kepada beberapa golongan lagi menurut umur, tempat tinggal, pendidikan, pendapatan, agama dan sebagainya. Untuk melaraskan matlamat ini, RTM telah mewujudkan Bahagian Hal Ehwal Awam ditugaskan mengubah fikiran, pandangan dan daya pemikiran agar rakyat

negara agar mereka mempunyai keinginan untuk memperbaiki lagi taraf kehidupan mereka.

RTM bertanggungjawab dalam menyediakan rancangan-rancangan untuk melahirkan kesedaran sivik, menggalakkan perkembangan kesenian Malaysia serta mengeratkan perasaan muhibah di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Dengan penggunaan bahan-bahan sesuai, RTM membolehkan rakyat memahami dengan tepat dan menerima rancangan dan projek-projek kerajaan. Antaranya program yang memupuk muhibah disiarkan ialah *Ucapan Tahun Baru*, *Ucapan Tahun Baru Cina*, *Ucapan Hari Raya Puasa*, *Masakan Chinese New Year*, *rancangan Citrawarna*, *Hari Perpaduan*, *Hari Merdeka*, *Christmas Cheers*, *Fiesta Deepavali* dan *Salam Aidilfitri*. Rancangan-rancangan khas ini diterbitkan oleh RTM agar sentiasa menjadi TEMAN SETI ANDA dengan mengutamakan khalayak, perkhidmatan yang berkualiti dan kecemerlangan yang bertunggakkan visinya :

UTAMAKAN PERPADUAN RAKYAT

UTAMAKAN KEMAKMURAN NEGARA

UTAMAKAN NILAI-NILAI MURNI

Di samping itu, ia menjadi salah satu daripada lima matlamat utamanya iaitu "membantu mewujudkan perpaduan kebangsaan melalui Malaysia di kalangan

masyarakat yang berbilang kaum ". Timbalan Menteri, Kementerian Penerangan Datuk Khalid Yunus dalam wawancaranya bersama Utusan pada 28hb Januari 2000 pernah berkata, Kementerian Penerangan juga sedang meneliti kerjasama dengan Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia untuk menyelaraskan peranan media elektronik swasta di bawah kementerian ini sebagai pendukung usaha perpaduan masyarakat untuk kestabilan negara.

Laporan kajian peranan RTM sebagai saluran maklumat kerajaan yang dijalankan oleh Cawangan Penyelidikan mendapati RTM berjaya bertindak sebagai media yang memupuk perpaduan nasional. Ini berikutan kadar yang mengatakan kurang dan ke bawah adalah sebanyak 12% bagi kaum Melayu, 13% bagi kaum Cina dan 9% bagi kaum India dan lain-lain.

Kemajuan teknologi juga mempengaruhi perancangan dan perlaksanaan dasar penyiaran. Pada masa sekarang, siaran TV melalui satelit sudah menjadi satu norma penyiaran. Dengan menggunakan parabolla atau alat penerima, kita boleh melihat pelbagai rancangan TV yang disalurkan melalui Palapa atau Intelset. Akan timbul tidak lama lagi siaran TV serantau yang boleh diterima oleh pelbagai negara di Asia seperti yang berlaku di negara Eropah. Dengan kemajuan teknologi ini, siaran sesebuah stesen dapat ditonton oleh rakyat negara lain. TV1 dan TV3 misalnya melalui Palapa dapat ditonton di Indonesia dan di Kepulauan Pasifik manakala TV2 melalui Intelset dapat diterima di Australia dan Negeri China.

Perkembangan ini akan mengubah undang-undang atas peraturan penyiaran sesebuah negara. Di negara Malaysia, kita dapat menerima terus rancangan TV dari satelit Measat 1 dan Measat 2 manakala Indonesia membolehkan rakyatnya menggunakan parabola untuk menerima siaran asing seperti TV1 dan TV3. Proses jual beli rancangan antarabangsa dan hak siarannya juga akan ikut berubah mengikut kesan siaran dan penerimaan terus dari satelit. Bagi negara kita , sekiranya kita mengamalkan dasar open sky sesiapa juga yang mempunyai alat penerima boleh menonton rancangan-rancangan TV antarabangsa yang dihantar melalui satelit. Baik buruknya masih terbuka kepada perdebatan yang perlu difikirkan ialah bagaimana negara dan rakyat kita dapat memanfaatkan segala perkembangan teknologi penyiaran dan komunikasi yang terus bertambah canggih ini.

Sebagai kesimpulannya , adalah didapati bahawa program - program TV di Malaysia ditumpukan kepada keluarga. Ini didapati bahawa program - program untuk kanak - kanak. Program untuk remaja dan wanita amat kurang. Program berbentuk agama mengatasi program untuk kanak - kanak dan wanita .

4.1.3 Politik

Dalam bidang politik, RTM sebagai badan penyiaran rasmi kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Peranannya antara lain membantu kerajaan mencapai matlamat-matlamatnya dalam usaha ke arah kemajuan, kemakmuran dan kebahagian serta kesejahteraan rakyat jelata. RTM juga membantu merapat dan

menjalin hubungan dua hala di antara rakyat dengan kerajaan dan sebaliknya. Menerusi rancangan-rancangan, RTM juga diamanahkan untuk memberi penerangan terhadap dasar dan projek kerajaan dengan menyebarkan maklumat penting ke segenap lapisan masyarakat. Pemprogramannya lebih ke arah menyediakan rakyat dengan corak pemikiran, sikap dan konsep baru yang sesuai dengan negara yang sedang pesat membangun.

RTM memainkan peranan utamanya dalam menyampaikan mesej kerajaan kepada rakyatnya selaras dengan matlamatnya iaitu "*menggalakkan perhatian rakyat dan cara mereka berfikir untuk melahirkan perubahan-perubahan sikap yang sejajar dengan kehendak dan dasar kerajaan*". Berdasarkan matlamat ini, tidak dapat dinafikan bahawa RTM sebagai penyumbang lidah kerajaan. Sebagai media nasional, RTM memainkan peranan dalam menimbulkan daya berfikir dan mewujudkan perubahan sikap pendengar dan penonton. Di samping itu, bahan-bahan berita lain yang rakyatnya mempunyai kepentingan di dalamnya dan tidak pula diketepikan secara keseluruhannya. Bahan-bahan pemrograman menepati matlamat stesen RTM sebagai alat penghubung kerajaan dengan rakyat.

Siaran Berita Inggeris, Berita Mandarin dan Berita Tamil keseluruhannya menepati matlamat dan memenuhi kehendak Jabatan sebagai media kerajaan Unit TV1 dan TV2 turut menggembungkan tenaga bagi menerangkan dasar-dasar dan pencapaian kerajaan kepada rakyat. Unit ini juga menyumbangkan tenaga dalam pasukan khas Hal-

Ehwal Pilihanraya beberapa Adun-adun kecil dan kegiatan luar seperti menyertai seminar yang berkaitan dengan media dan penyiaran.

Antara rancangan politik yang disiarkan ialah Laporan Khas Menjelang Pilihanraya yang kini disiarkan secara langsung menerusi Berita Perdana atau pun selepas Berita Perdana. Rancangan ini berbentuk politik yang diadakan khas setiap kali menjelang pilihan raya umum sama ada pada peringkat persekutuan atau pun negeri-negeri. Rancangan ini diwujudkan untuk memberi maklumat perkembangan terbaru politik tanah air, mengayakan pengetahuan rakyat tentang politik negara dan mengocak minda masyarakat dalam membuat pemilihan yang terbaik semasa menunaikan hak dan tanggungjawabnya sebagai pengundi. RTM berharap dengan cara ini, demokrasi akan terus berkembang, matang dan mantap di Malaysia. Rancangan berbentuk majalah dan talk show ini menyampaikan perkembangan terbaru politik semasa tanah air. Ini disokong dengan video clip yang berkaitan. . Siaran langsung ini biasanya memaparkan pendapat Presiden dan Timbalan Presiden sesuatu parti yang memerintah dengan majority yang banyak.

Selain, membuat siaran langsung RTM juga akan memaparkan isu-isu pembangunan di negeri yang bakal akan diadakan pilihan raya. Misalnya, baru-baru Pilihan raya Sarawak, Perlis dan Ketari telah dibuat liputan penuh sebelum pilihan raya. Bagi tujuan RTM menerusi Berita Perdana di Saluran TV1 dan News On Two di Saluran TV2 akan meninjau perkembangan pembangunan di negeri tersebut menjelang pilihan raya. Liputan ini biasanya dibuat sebulan lebih awal untuk melihat pembangunan sosio-

ekonomi rakyat di negeri menjelang pilihan raya, pendidikan, pertanian dan perniagaan supaya orang awam sedar akan projek dan bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan. Liputan jenis ini digelar sebagai Laporan Khas Politik yang disiarkan dari 5 hingga 8 minit.

Selain daripada itu, ia turut mengundang tetamu ke studio untuk ditemuramah secara langsung tentang sesuatu isu atau perkara yang perlukan pengupasan dan penerangan yang lanjut. Antara kandungan pemprograman politik ialah liputan semasa politik tanah air, ulasan sesuatu isu, video clips ucapan pemimpin parti yang memerintah dan pembangkang editorial, wawancara dan bahan-bahan lain seperti ingatan dan pesanan daripada pihak-pihak berkuasa tempatan seperti polis dan Suruhanjaya Pilihanraya, SPR.

Rancangan yang lazimnya mengundang tetamu ke studio untuk ditemuramah adalah menerusi rancangan *Wawancara* yang disiarkan menerusi Saluran TV1. Tetamu ini biasanya terdiri daripada kalangan menteri, timbalan menteri, ulamak, pengarah dan mereka yang menjawat jawatan yang penting dalam kerajaan. Wawancara ini diadakan untuk membincangkan sesuatu isu secara global agar khalayak dapat memahami dasar dan hala tujuan kerajaan dalam pentadbiran negara. Misalnya, pada tahun 2001 Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad telah dijemput ke studio Angkasapuri bagi membincangkan takrifan pengganas dan kedudukan negara kita yang telah dituduh oleh kuasa barat sebagai pelindung pengganas selepas insiden 11 September. Selain itu,

RTM juga pernah menemubual pakar-pakar ekonomi berhubung pembentangan Belanjawan Tahun 2002 yang memberi manfaat kepada golongan petani dan wanita bali yang terus akan mendapat pampasan wang walaupun suami telah bercerai atau meninggal.

Kerajaan berharap RTM akan berperanan sebagai media yang dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa menyokong kerajaan. Terdapat hubungkait yang rapat di antara peranan RTM dalam menanamkan perasaan yakin rakyat terhadap kerajaan dengan peranan RTM yang dalam melahirkan masyarakat yang sentiasa menyokong kerajaan. Berdasarkan kajian Cawangan Penyelidikan tahap penilaian semua kaum terhadap RTM adalah di paras sederhana dan ke atas dalam melahirkan masyarakat yang sentiasa menyokong kerajaan melalui pemprogramannya.

Antara pemprograman politik lain yang disiarkan ialah rancangan *Malaysia Untukmu* yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu satu selepas Dewan Rakyat dibubarkan dan satu lagi selepas penamaan calon. Selepas Dewan dibubarkan, rancangan tersebut lebih berbentuk kepada imbas kembali pilihanraya lalu. Ini diisi dengan jumlah kerusi yang dipertandingkan, peratus mengundi, cara pilihanraya diadakan, undi pos, pola mengundi, bilangan calon dan pandangan pelbagai pihak seperti ahli akademik, orang ramai, pengulas politik, politik dan Suruhanjaya Pilihanraya.

Sementara rancangan selepas penamaan calon, lebih berbentuk semasa yang meliputi perkembangan semasa parti-parti politik seperti manifesto dan ulasan reaksi

tentangnya, fokus kawasan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri yang baru diwujudkan, fokus negeri, fokus calon, isu-isu berbangkit dan ulasan parti-parti politik tentang sesuatu perkara/isu. Liputan bukan sahaja tertumpu kepada parti yang memerintah tetapi juga kepada semua parti pembangkang.

Pencapaian pemprograman RTM, tidak pernah terlewat siarannya menjelang atau pun ketika pilihan raya berikutnya berdasarkan dasar-dasar Menteri Penerangan serta disiarkan seperti yang dijadualkan. Mengikut perangkaan Survey Research Malaysia, penyiaran rancangan tersebut di Saluran TV1 telah berjaya menarik antara 800 ribu hingga 1.2 juta orang penonton setiap malam. Bagi TV2, jumlah khalayaknya antara 500 ribu hingga 800 ribu orang pada tahun 1995. Memandangkan rancangan *Malaysia Untuk Mu* sebuah rancangan berat berbentuk majalah, maka jumlah penonton seramai itu adalah satu pencapaian yang agak menggalakan selaras dengan dasar utama kualiti pemprograman RTM iaitu :

Menyiaran rancangan radio dan televisyen yang berkualiti dari segi mutu Kandungan dan persembahan, ketepatan masa dan standard teknikal yang meliputi seluruh kawasan berpenduduk negara yang berasaskan siaran kecacatan sifar.

Rancangan *Gemilang Malaysia* juga mempunyai bilangan penontonan yang tinggi di kalangan khalayak berdasarkan Laporan Kajian Peranan RTM sebagai Media Saluran Maklumat yang diterbitkan oleh Cawangan Penyelidikan Kementerian Penerangan Malaysia. Rancangan ini dianggap sebagai rancangan yang berbentuk maklumat dan mesej kerajaan yang popular di Saluran TV1. Penontonan lelaki dan perempuan bagi rancangan ini masing-masing melebihi 200 orang. Kadar penontonan tertinggi rancangan *Gemilang Malaysia* ialah bagi kumpulan umur 20-29 tahun iaitu sebanyak 30%.

Rancangan *Gemilang Malaysia* merupakan rancangan tertua yang diwujudkan pada tahun 1998 dan masih bertahan kerana berjaya menambat hati khalayak. Ia merupakan rancangan talkshow yang berlangsung selama 45 minit yang disiarkan setiap hari Khamis menerusi Saluran TV1. Ia merupakan cetusan idea Menteri Penerangan Datuk Muhammad Rahmat bagi menanam perasaan yakin rakyat terhadap kerajaan yang sedang memerintah. Ia juga terbukti dalam kajian Laporan Peranan RTM Sebagai Media Saluran Maklumat yang dilakukan oleh Kementerian Penerangan. Terdapat hubungkait antara peranan RTM dalam menanamkan perasaan yakin rakyat terhadap kerajaan dengan dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa menyokong kerajaan iaitu sebanyak 73% bagi kategori sangat banyak dan 70% bagi kategori banyak.

Rancangan ini biasanya membincangkan isu-isu topical dan *contemporary* yang berkisarkan kepada hal ehwal politik dan pengurusan negara. Lazimnya topik yang dipilih merupakan masalah politik dan sosio-ekonomi yang sedang dibincangkan oleh

orang awam dan menjadi paparan media elektronik. Misalnya, isu kuota Institut Pengajian Tinggi Swasta dan kes penambakan laut oleh Singapura. Setiap minggu mereka akan memilih topik yang berlainan dan akan menjemput tetamu yang mempunyai authority yang menjawab melalui siaran langsung. Mereka adalah terdiri daripada ahli politik, menteri-menteri, pentadbir, tokoh, pengarah jabatan dan sebagainya. Mereka akan menjawab kemosykilan rakyat dengan mengupasnya dan memberikan jawapan.

Gemilang Malaysia juga menyiaran Rancangan *Sorotan 30 Minit* atau dahulunya dikenali sebagai *Komentar* diwujudkan sempena jangka masa siaran rancangan ini. Rancangan ini menyimpulkan isu-isu semasa, antarabangsa, hal ehwal semasa yang disiarkan dalam berita, unsur-unsur human interest dan peristiwa-peristiwa sekitar dunia yang boleh dijadikan tauladan. Rancangan ini mempunyai segmen *fokus* yang membabitkan penyiaran bahan antarabangsa dari APTN (Asia Pacific Television Network) mengisahkan kebuluran, peperangan Kashmir, Sri Nagar, kelaparan di Honduras, Amerika Latin dan sebagainya. Segmen ini juga menyiaran satu bahan dari dalam negeri misalnya yang membabitkan masyarakat Melayu, soal percanggahan ideologi, agama dan lain-lain.

Satu lagi segmen dalam rancangan ini ialah *komentar* iaitu rancangan bergilir-gilir di kalangan wakil-wakil media yang membincangkan isu-isu semasa. Contohnya, menjelang perhimpunan agung UMNO akhbar-akhbar arus perdana akan membuat liputan dan follow-up berhubung sokongan rakyat Melayu terhadap UMNO. Rancangan ini memberi peluang kepada pengamal media untuk mengemukakan pandangan masing-

masing. Segmen *ulasan* pula mengulas topik-topik yang berlaku di sekitar negara dan merupakan tajuk mingguan oleh akhbar dan berita.

Penerbitan rancangan-rancangan *Gemilang Malaysia* lebih ke arah menampilkan RTM sebagai media penyalur maklumat yang lengkap, tepat dan boleh dipercayai. Kajian Kementerian Penerangan Malaysia didapati seramai 826 orang Melayu, 309 orang Cina dan 115 orang India/lain-lain yang menganggap RTM sebagai sumber yang boleh dipercayai. Kebanyakan program yang diatur dan disiarkan oleh *Gemilang Malaysia* menerusi Saluran TV1 telah banyak menambah pengetahuan di kalangan penonton di mana kebanyakan responden menilai di tahap sederhana dan ke atas pada semua kaum. Ini terbukti dengan penilaian kaum Melayu sebanyak 59%, kaum Cina 47% dan kaum India/lain-lain sebanyak 58%.

Dalam pada itu, dari segi penyampaian dasar negara kepada rakyat RTM juga pernah diseru oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya pemprogramannya tidak menyimpang daripada tujuan asal penubuhannya 56 tahun yang lalu iaitu untuk menyampaikan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat.

RTM sebagai agensi kerajaan perlu terus memainkan peranan dan fungsinya untuk menyampaikan mesej kerajaan terutama ketika negara mengharungi kegawatan ekonomi RTM sudah memainkan fungsi ketika kerajaan mula melancarkan Dasar Ekonomi Baru ketika waktu itu sesetengah pihak tidak daham dasar berkenaan dan menganggapnya sebagai dasar pilih kasih. Begitu juga ketika

negara menghadapi konfrontasi daan ketika kerajaan membentuk Rukun Negara, RTM sudah memberi sumbangan besar dari segi menyampaikan maklumat sebenar kepada rakyat. Kegawatan sekarang memaksa RTM melaksanakan fungsi lebih aktif kerana kerajaan menggunakan kaedah tidak konvensional dalam mengatasi kegawatan ekonomi. RTM perlu menyampaikan mesej kerajaan supaya rakyat faham dan dapat menjadidi peserta aktif dalam pembangunan negara dan menggesa rakyat menyokong kerajaan. Slogan Setia bersama RTM perlu dijadikan matlamat ketika memberikana perkhidmatan kepada rakyat.

(Sumber : Berita Harian, 6hb Jun 1999)

Menurut Timbalan Menteri Datuk Khalid Yunus, RTM akan memastikan siarannya terus meningkat sambil menerapkan maklumat yang tepat bagi memulihkan pemikiran segelintir rakyat yang dipesong oleh parti pembangkang. Kerajaan amat menyedari pemikiran rakyat yang dipesong oleh pembangkang itu akan mengakibatkan perpecahan masyarakat yang amat berbahaya kepada kesejahteraan negara. Menurut beliau,

Kebijaksanaan dan kreativiti setiap pegawai penyiaran di segenap peringkat mampu menghasilkan bahan siaran RTM yang boleh membawa kesejahteraan kepada negara. Pendekatan yang diambil oleh RTM adalah merupakan satu penilaian semula terhadap keberkesanan semua pemprograman siaran RTM. RTM amat menitikberatkan kepada siaran yang boleh membina sikap dan pemikiran

positif rakyat dalam menghadapi alaf baru dan menyokong usaha-usaha kerajaan bagi kesejahteraan bersama.

(Sumber : Utusan Malaysia, 28hb Jun 2000)

4.3 Kesimpulan

Walaupun pemprograman RTM sekarang bercorak sektor-sektor pembangunan negara seperti ekonomi, sosial dan politik namun RTM menerusi Kementerian Penerangan Malaysia akan terus menyiaran lebih banyak rancangan yang berciri maklumat, patriotik dan pendidikan. RTM telah berjaya merealisasikan asas penyiaran kepada konsep mendidik, menghibur dan menyampaikan maklumat yang tepat dari semasa ke semasa sebagai media pembangunan rakyat dan negara. Kini RTM lebih ke arah membentuk pemprograman yang menerapkan mesej dan nilai-nilai positif secara beransur-ansur terhadap rancangan-rancangan tempatan yang merangkumi keagamaan, generasi muda, pendidikan, hebahan, hiburan, drama dan sebagainya. RTM muh memanfaatkan siarannya dengan rancangan-rancangan yang boleh memupuk perpaduan dan membentuk pemikiran positif di kalangan rakyat.